



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2023

PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 30 September 2023 – Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023 Peringkat Negeri Terengganu anjuran bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu telah diadakan di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu hari ini. Karnival yang dirasmikan oleh YB Ustaz Ahmad Shah bin Muhamed, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan yang mewakili YAB. Dato Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar Menteri Besar Terengganu ini telah berjaya menarik lebih 5,000 penyertaan awal dan dijangkakan lebih penyertaan daripada komuniti setempat yang terdiri daripada pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi serta orang awam.

Objektif pelaksanaan karnival di setiap negeri ini adalah untuk meraikan kepelbagaian dan keperluan negeri dengan memberi peluang kepada penggerak dan pengamal sains, teknologi dan inovasi (STI) tempatan mengetengahkan teknologi dan inovasi mereka yang tersendiri kepada umum, khususnya kepada anak-anak di Negeri Terengganu.

Bagi tujuan itu, Karnival MSN menawarkan pelbagai pengisian interaktif seperti pameran berteraskan STI di reruai pameran, demonstrasi sains dan bual bicara yang berteraskan STI serta mengikut kesesuaian masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti menarik berteraskan STI disediakan sepanjang Karnival MSN 2023 yang berlangsung mulai 30 September 2023 sehingga 2 Oktober 2023 yang memberi manfaat kepada pengunjung antaranya Tayangan Mini Planetarium, Pencerapan Solar, Pertunjukan Sains Interaktif, Planet VR dan Pocket Talk STI.

Pada masa yang sama, bagi memastikan capaian yang lebih luas kepada kumpulan sasar di seluruh negara seperti pelajar sekolah, belia kolej dan institusi pengajian tinggi, para guru, pemain industri serta orang awam, pelaksanaan MSN turut dilaksanakan secara dalam talian melalui kerjasama antara jabatan serta agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi, badan swasta dan persatuan serta rakan-rakan strategik yang berkaitan. Program-program yang dijalankan termasuklah webinar, forum, kuiz serta cabaran penerokaan berdasarkan bidang-bidang fokus yang telah ditetapkan.

Dalam ucapan YBrs. Puan Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembudayaan Sains MOSTI, beliau menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif Minggu Sains Negara adalah selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 - 2030. Pelan ini merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha untuk menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif pembudayaan dan aktiviti kesedaran STI secara besar-besaran.

Untuk maklumat lanjut mengenai Minggu Sains Negara dijemput untuk melayari laman web rasmi minggusainsnegara.mosti.gov.my.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

30 September 2023